

A CONCEPTUAL STUDY OF AWARENESS AND UNDERSTANDING OF THE MAQASID OF HIFZ AL-MAL IN RELATION TO THE SELECTION OF SHARIAH- COMPLIANT EPF SAVINGS AMONG MUSLIM WORKERS

KAJIAN KONSEPTUAL KESEDARAN DAN KEFAHAMAN MAQASID HIFZ AL-MAL TERHADAP PEMILIHAN KWSP PATUH SYARIAH DALAM KALANGAN PEKERJA MUSLIM

Nik Kasyfan Zunnur Nordinⁱ, Syazwani Abd Rahimⁱⁱ & Aemy Azizⁱⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pelajar Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia. nkasyfan@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia. syazwanirahim@uitm.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor, Kampus Segamat, Malaysia. Aemy@uitm.edu.my

Article Progress

Received: 1 June 2026

Revised: 25 June 2026

Accepted: 30 June 2026

Abstract	<i>Zakat functions as a mechanism of worship and a socio-economic instrument in Islam that aims to preserve wealth in line with the Maqasid Syariah, especially the principle of hifz al-mal. In Malaysia, the Employees Provident Fund (EPF) is the main retirement savings instrument for Muslim workers, but the level of participation in the EPF Simpanan Shariah is still low even though it was introduced as a fully Sharia-compliant alternative. This situation is further exacerbated by the issue of awareness and understanding of EPF zakat, the introduction of Flexible Accounts that allow early withdrawals, and differences in EPF zakat fatwas between states that have the potential to cause confusion among contributors. Therefore, this study aims to assess the level of understanding and awareness of zakat among Muslims in Malaysia regarding the EPF Simpanan Shariah and examine the implementation of Sharia based on legal sources and fatwas of the states involved. This study uses a narrative approach to literature review to examine various views and differences in fatwas related to EPF zakat. The findings of this study are expected to contribute to the understanding of the EPF's understanding of zakat among Muslims, explain the implications of issuing Flexible Accounts on zakat obligations, and suggest improvements to the EPF's Shariah implementation policies and coordination to strengthen zakat compliance and asset protection based on Maqasid Shariah.</i> Keywords: EPF, Shariah, Awareness, Retirement, Savings.
Abstrak	<i>Zakat berfungsi sebagai mekanisme ibadah dan instrumen sosioekonomi dalam Islam yang bertujuan memelihara harta selaras dengan Maqasid Syariah, khususnya prinsip hifz al-mal. Di Malaysia, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) merupakan instrumen simpanan persaraan utama bagi pekerja Muslim, namun tahap penyertaan dalam Simpanan Shariah KWSP</i>

	<i>masih rendah walaupun ia diperkenalkan sebagai alternatif patuh Syariah sepenuhnya. Situasi ini diburukkan lagi dengan isu kesedaran dan kefahaman zakat KWSP, pengenalan Akaun Fleksibel yang membolehkan pengeluaran awal, serta perbezaan fatwa zakat KWSP antara negeri yang berpotensi menimbulkan kekeliruan dalam kalangan pencarum. Justeru, kajian ini bertujuan menilai tahap kefahaman dan kesedaran berzakat dalam kalangan Muslim di Malaysia terhadap Simpanan Syariah KWSP serta meneliti pelaksanaan Syariah berdasarkan sumber hukum dan fatwa negeri-negeri terlibat. Kajian ini menggunakan pendekatan naratif kajian literatur bagi mengkaji pelbagai pandangan dan perbezaan fatwa berkaitan zakat KWSP. Dapatan kajian ini dijangka menyumbang kepada pemahaman mengenai kefahaman zakat KWSP dalam kalangan Muslim, menjelaskan implikasi pengeluaran Akaun Fleksibel terhadap kewajipan zakat, serta mencadangkan penambahbaikan dasar dan penyelarasan pelaksanaan Syariah KWSP bagi memperkukuh pematuhan zakat dan perlindungan harta berasaskan Maqasid Syariah.</i> Kata kunci: KWSP, Syariah, Kesedaran, Persaraan, Simpanan.
--	---

PENDAHULUAN

Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim yang memenuhi syarat, bertujuan menyucikan harta serta memperkukuh kebajikan sosial melalui agihan kepada golongan yang memerlukan. Di Malaysia, zakat menjadi komponen penting dalam sistem kewangan Islam dan dilaksanakan melalui mekanisme institusi bagi memastikan pengurusan kutipan dan agihan dilaksanakan secara sistematik, berkesan dan adil (Yusuf al-Qaraḍāwī, 2005).

Isu-isu zakat pula menuntut kefahaman terhadap metodologi hukum Syariah, termasuk peranan Jawatankuasa Fatwa Negeri yang berfungsi sebagai autoriti penentuan hukum, dan sebahagiannya diwartakan sebagai undang-undang (Mohamed Shaarani et al., 2020; Rosele & Abdullah, 2021). Dalam konteks kewangan moden, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berperanan sebagai sistem simpanan persaraan dan perlindungan kewangan utama pekerja di Malaysia di bawah Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta 452) (Abdullah & Rosele, 2019).

Sebelum pengenalan Akaun Syariah pada tahun 2017, pelaburan KWSP dilaporkan melibatkan campuran unsur patuh dan tidak patuh Syariah, namun penyertaan dalam KWSP tetap dihukum harus kerana sifatnya sebagai simpanan wajib yang ditetapkan oleh undang-undang, bukan pelaburan sukarela (Laman Web Rasmi KWSP; Abdul Hamid Chin, 2022). Sehubungan itu, isu zakat ke atas simpanan KWSP terus dibahaskan dari sudut fiqh dan pelaksanaan bagi memastikan pematuhan kepada prinsip Syariah. Sebagai asas pensyariaan zakat dan objektif pensucian harta, Allah SWT berfirman:

﴿حُذِّ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا﴾

Maksudnya, “Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka” (al-Quran. Al-Tawbah: 103).

OBJEKTIF KAJIAN

Seiring dengan perkembangan institusi kewangan Islam di Malaysia, isu zakat ke atas simpanan Syariah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terus menjadi perhatian dalam kalangan masyarakat dan sarjana, khususnya berkaitan tahap kefahaman, kesedaran serta pelaksanaan Syariah berdasarkan kerangka hukum yang berautoriti. Justeru, artikel ini bertujuan untuk:

- Menilai tahap kefahaman dan kesedaran berzakat dalam kalangan Muslim di Malaysia terhadap Simpanan Syariah KWSP.

- ii. Meneliti pelaksanaan Syariah berdasarkan sumber hukum dan fatwa negeri-negeri terlibat.

SOROTAN KAJIAN LITERATUR

Maqasid Syariah merupakan matlamat atau objektif utama undang-undang Islam. Ia berfungsi sebagai tonggak sistem kewangan Islam yang mempertingkatkan kesejahteraan dan keadilan untuk pihak berkepentingan di peringkat mikro dan makro (Febrianto et al., 2024).

Maqasid Syariah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu keperluan asas (daruriyyat) yang penting untuk urusan agama dan duniawi, kemudahan (hajiyyat) merupakan masalah yang diperlukan bagi mengelakkan kesusahan individu atau komuniti dan pelengkap/kemewahan (tahsiniyyat) yang membawa aspek kehidupan yang diinginkan, jika kehilangannya mungkin mengurangkan keselesaan tetapi tidak mengganggu kehidupan seharian.

Berikut merupakan lima objektif Maqasid Syariah iaitu agama, nyawa, akal, harta dan keturunan. Salah satu objektif Maqasid Syariah adalah pemeliharaan kekayaan (hifz al-mal) yang menekankan amalan simpanan yang bertanggungjawab dan beretika. Pengurusan kekayaan Islam mengelakkan simpanan dalam aktiviti yang dilarang dalam Islam.

Selain itu, pengagihan kekayaan yang saksama (qaṣd al-naḥs) dapat diagihkan melalui amalan seperti zakat dan pemberian sedekah yang menyumbang kepada sistem ekonomi yang lebih adil dan saksama. Tujuan maqasid Syariah yang khusus dalam harta adalah menjaga harta dengan berpaksi kepada menjaganya serta mengembangkannya dan mengelak dari jatuh ke tangan yang salah. Allah SWT berfirman:

﴿وَلَا تُؤْتُوا السُّفَهَاءَ أَمْوَالَكُمُ الَّتِي جَعَلَ اللَّهُ لَكُمْ قِيَامًا﴾


Maksudnya, “Dan janganlah kamu berikan (serahkan) kepada orang-orang yang belum sempurna akalnya akan harta (mereka yang ada dalam jagaan) kamu, (harta) yang Allah telah menjadikannya untuk kamu semua sebagai asas pembangunan kehidupan kamu” (al-Quran. al-Nisa’: 53).

Selain itu, keadilan juga merupakan tujuan maqasid Syariah yang khusus dalam harta. Adil bermaksud meletakkan sesuatu di tempatnya dengan betul atau menyebelahi pihak yang benar (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2026). Allah SWT berfirman:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

Maksudnya, “Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar serta kezaliman. Ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya” (al-Quran. al-Nahl: 90).

Merujuk kepada Rajah 1, masalah dibahagikan kepada tiga; daruriyyat, hajiyyat, dan tahsiniyyat (Zailani et al, 2022).

Rajah 1: Pembahagian Masalah

Sumber: Zailani et al. (2022)

Terdapat dua jenis model Maqasid Syariah. Pertama, meletakkan lima objektif Maqasid Syariah di bawah bahagian keperluan asas (daruriyyat) iaitu daripada Zailani et al. (2022) manakala yang kedua, meletakkan lima objektif Maqasid Syariah selari dengan ketiga-tiga bahagian keperluan asas (daruriyyat), kemudahan (hajiyyat) dan pelengkap/kemewahan (tahsiniyyat) iaitu daripada Ramli et al. (2018).

Rajah 2: Objektif Maqasid Syariah

Sumber: Zailani et al. (2022)

TEORI HIFZ AL-MAL DALAM SISTEM KEWANGAN ISLAM

Harta atau kekayaan merupakan kurniaan Allah SWT kepada seseorang untuk meningkatkan kualiti hidup mereka. Istilah Al-mal dalam Islam merujuk kepada semua sumber yang telah ditetapkan Allah untuk manusia, merangkumi semua ganjaran dan hak pemilikan. Idea Khilafah mengawal pemilikan aset dalam Islam, yang menyatakan bahawa Allah adalah pemilik tunggal kekayaan dan manusia adalah khalifah Allah, dan penjaga kekayaan Allah.

Manusia sebagai Khalifah perlu menguruskan dan menjaga sumber dengan bijak tanpa memberi sebarang kesan buruk di bumi dengan menggalakkan Ihsan (kebajikan bersama) dan (keadilan sosioekonomi) (Inuwa, Hayatu & Bawuro, 2025). Selain itu, prinsip

pemeliharaan harta adalah berpaksikan keadilan iaitu pengagihan kekayaan dengan ihsan dan amanah selain mengurangkan jurang sosioekonomi (IKIM, 2025).

Kajian menunjukkan kumpulan T20 di Malaysia secara keseluruhan menguasai hampir 45 peratus pendapatan isi rumah negara manakala 10 peratus teratas (T10) di Malaysia kini menguasai sekitar 35 peratus daripada pendapatan nasional (Khalid & Rosli, 2025). Ini menunjukkan jurang yang tinggi antara kelompok berpendapatan tinggi dan kelompok lain.

Transaksi yang haram seperti riba, ketidakpastian (gharar) dan judi (maisir) yang berlebihan dilarang sepenuhnya dalam simpanan patuh Syariah. Allah SWT berfirman:

﴿وَمَا آتَيْتُم مِّن رَّبًّا لَّيْرَبُّوا فِي أَمْوَالِ النَّاسِ فَلَا يَرَبُّوهُ عِنْدَ اللَّهِ ۖ وَمَا آتَيْتُم مِّن زَكَاةٍ تُرِيدُونَ وَجْهَ اللَّهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُضْعِفُونَ﴾

Maksudnya, “Dan sesuatu riba (tambahan) yang kamu berikan agar dia bertambah pada harta manusia, maka riba itu tidak menambah pada sisi Allah. Dan apa yang kamu berikan berupa zakat yang kamu maksudkan untuk mencapai keridhaan Allah, maka (yang berbuat demikian) itulah orang-orang yang melipat gandakan (pahalanya)” (al-Quran. al-Rum: 39).

Allah SWT berfirman:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِن كُنتُمْ مُّؤْمِنِينَ ۚ إِنَّمَا تَقْعَلُوا فَاذْنُوا بِحَرْبٍ مِّنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ ۖ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ ۚ كَانَ ذُو عُسْرَةٍ فَنَظِرَةٌ إِلَىٰ مَيْسَرَةٍ ۚ وَأَنْ تَصَدَّقُوا خَيْرٌ لَّكُمْ ۖ إِن كُنتُمْ تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, “Hai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan tinggalkan sisa riba (yang belum dipungut) jika kamu orang-orang yang beriman. Maka jika kamu tidak mengerjakan (meninggalkan sisa riba), maka ketahuilah, bahwa Allah dan Rasul-Nya akan memerangimu. Dan jika kamu bertaubat (dari pengambilan riba), maka bagimu pokok hartamu; kamu tidak menganiaya dan tidak (pula) dianiaya. Dan jika (orang yang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebagian atau semua hutang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui” (al-Quran. Al-Baqarah: 278-280).

KWSP merupakan sebuah institusi keselamatan sosial yang menyediakan suatu skim simpanan untuk persaraan pekerja dan pengurusan simpanan di bawah Akta 452: Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (KWSP, 2023). Penyimpan dari sektor awam dan swasta mencarum secara bulanan dan dana simpanan ini boleh digunakan dalam pelbagai pelaburan oleh KWSP. KWSP juga berfungsi sebagai pengurus dana sekuriti sosial bagi kesejahteraan kewangan semasa kecemasan atau persaraan bagi setiap pencarum di Malaysia (Faizee, 2024).

Terdapat dua jenis simpanan akaun KWSP, iaitu Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah. Seramai 16.22 juta keseluruhan pencarum termasuk 8.78 juta pencarum aktif Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mewakili 51 peratus daripada 17.32 juta pekerja dalam Malaysia terdiri daripada pencarum Simpanan Syariah dan Simpanan Konvensional (Harian Metro, 2025).

KWSP Simpanan Konvensional telah ditubuhkan sejak tahun 1951 manakala KWSP Simpanan Syariah ditubuhkan pada 2016 (KWSP, 2023). Terdapat empat perbezaan KWSP Simpanan Konvensional dan KWSP Simpanan Syariah terutama dari sudut akad, penasihat syariah, dividen dan pertukaran akaun.

Jadual 1: Perbezaan Simpanan Konvensional dan Patuh Syariah

	Simpanan Syariah	Simpanan Konvensional
Ditubuhkan	2016	1951
Akad	Akad wakalah	Tidak berkenaan
Penasihat Syariah	Diperakukan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS)	
Dividen	Berdasarkan pelaburan patuh Syariah	Berdasarkan pelaburan konvensional dan kadar dividen minimum 2.5%
Pertukaran akaun	Tidak boleh kembali ke Simpanan Konvensional	Boleh bertukar ke Simpanan Syariah

Sumber: KWSP (2023)

Mekanisme pelaburan patuh Syariah KWSP berasaskan akad wakalah, di mana Lembaga KWSP dilantik sebagai wakil untuk melaburkan dan menguruskan simpanan mengikut prinsip syariah. Pelaburan ini berfokus pada portfolio syariah seperti ekuiti tersenarai patuh syariah, hartanah, sukuk dan infrastruktur yang diperakukan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah (JKPS). Seterusnya, dividen diberikan berdasarkan prestasi sebenar pelaburan syariah tanpa jaminan minimum (KWSP, 2025).

Hifz al-mal merupakan salah satu objektif Maqasid Syariah yang mewajibkan melindungi kekayaan daripada larangan riba, ketidakpastian (gharar), judi (maisir) atau aktiviti yang tidak beretika. Kajian daripada Megat S'adan et al., (2024) mengaitkan pengeluaran KWSP dengan ketegangan maqasid dengan alasan pemeliharaan harta semasa krisis seperti COVID-19 menjunjung tinggi konsep hifz al-mal berbanding keperluan segera.

Simpanan KWSP Patuh Syariah mematuhi prinsip maqasid syariah khususnya hifz al-mal dengan melindungi harta melalui pelaburan halal dan pengurusan amanah. Akad wakalah memastikan KWSP bertindak sebagai wakil untuk melabur simpanan mengikut garis panduan syariah, diiringi penyucian pendapatan haram (KWSP, 2019).

KWSP telah melaksanakan Polisi Pelaburan Lestari KWSP bagi menggalakkan praktik pengurusan syarikat yang mampan dan mengurangkan risiko nilai pelaburan ahli dalam jangka masa panjang (KWSP, 2026). Ini dapat membantu dimensi kelestarian Hifz al-Mal. Selain itu, pendekatan ini dapat mengurangkan kuasa beli simpanan dan mengurangkan impak kejutan pasaran terhadap nilai harta pencarum (KWSP, 2026).

KWSP menjamin kelestarian harta dan persaraan melalui mandat Akta KWSP 1991 yang melindungi Akaun 1 (70% simpanan) untuk persaraan sahaja, sambil Akaun 2 membolehkan pengeluaran lain dengan kawalan ketat (Astro Awani, 2025). Sebagai pemegang amanah, KWSP mengurus simpanan untuk pulangan optimum dan menggalakkan pemulihan simpanan pasca-pengeluaran, selaras dengan maqasid syariah hifz al-mal (Syed Azman & Noordin, 2023).

Pengurusan keselamatan pendapatan hari tua kekal sebagai mandat utama KWSP melalui strategi penjagaan dana warga emas yang sistemik. Malaysia dijangka menjadi negara menua pada 2030, dengan warga emas yang memerlukan sokongan kerajaan meningkat daripada 3.5 juta (2021) kepada 5.3 juta atau 15% (2030) dan 7.4 juta atau 21% (2042), sekali gus mencabar dasar pekerjaan, jaminan pendapatan dan kesihatan serta menekankan keperluan simpanan mencukupi bagi menampun kejutan kewangan.

Seiring pemulihan ekonomi, fokus KWSP ialah melindungi simpanan ahli dan membantu pemulihan serta pembinaan semula simpanan persaraan, manakala bantuan kewangan kerajaan pascapandemik dan banjir menjadikan pengeluaran khas KWSP pada masa hadapan dianggap tidak perlu (Astro Awani, 2021).

Simpanan Syariah KWSP menggunakan akad wakalah untuk pelaburan halal, memastikan pemeliharaan harta (hifz al-mal) dengan penyucian dan kawalan pengeluaran. Menjaga simpanan mengelak implikasi jangka panjang, selaras dengan prinsip syariah

(Syed Azman & Noordin, 2023). Oleh itu, hifz al-mal melindungi harta daripada perdagangan yang haram dan mengelakkan kemudaratannya.

Manakala KWSP Syariah merangkumi perkara ini dengan menyalurkan simpanan ke dalam ekuiti, hartanah dan sukuk yang ditapis untuk piawaian Syariah serta menggalakkan pertumbuhan kekayaan tanpa eksploitasi. Petunjuk untuk hifz al-mal termasuk pengagihan patuh faraid, pulangan yang mampan dan integrasi kebajikan sosial, semuanya ditunjukkan dalam tadbir urus KWSP.

Dalam konteks zakat ke atas simpanan KWSP di Malaysia, beberapa kajian telah mengupas perbincangan Syariah dan pelaksanaannya. Luqman Haji Abdullah dan Rosele (2019) mendapati bahawa perbezaan fatwa zakat KWSP di pelbagai negeri membawa kepada kekeliruan berikutan aplikasi syarat milik sempurna dan kaedah teknikal yang berbeza, sekali gus menekankan perlunya penyeragaman metodologi fatwa untuk kefahaman yang lebih konsisten.

Selain itu, fatwa Al-Kafi #846 daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan menjelaskan bahawa zakat atas simpanan KWSP menjadi wajib apabila simpanan tersebut telah mencapai syarat haul dan nisab, serta menggalakkan pembayaran zakat sejurus simpanan tersebut dikeluarkan apabila syaratnya dipenuhi, sebagai rujukan praktikal kepada masyarakat Islam (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Terdapat perbezaan hukum mengenai zakat simpanan dalam empat mazhab utama umat Islam:

{ عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ إِذَا كَانَتْ لَكَ مِئَتَا دِرْهَمٍ، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا خُمْسُهُ دَرَاهِمٌ، وَلَيْسَ عَلَيْكَ شَيْءٌ، يَعْنِي فِي الدَّهَبِ . حَتَّى يَكُونَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، فَإِذَا كَانَ لَكَ عِشْرُونَ دِينَارًا، وَحَالَ عَلَيْهَا الْحَوْلُ، فَفِيهَا نِصْفُ دِينَارٍ، فَمَا زَادَ فَحِسَابُ ذَلِكَ }

Maksudnya, “Daripada Ali RA, beliau berkata bahawa Rasulullah ﷺ bersabda, “apabila kamu memiliki 200 dirham dan telah berlalu ke atasnya satu haul, maka zakatnya ialah 5 dirham. Dan tidak ada zakat ke atas kamu, yakni pada emas, sehingga kamu memiliki 20 dinar. Maka apabila kamu memiliki 20 dinar dan telah berlalu haulnya, zakatnya ialah setengah dinar. Jika lebih daripada itu, maka zakatnya dikira mengikut kadar tersebut)” (Hadis. Abī Dāwūd, Kitāb al-Zakāh. No. 1573).

Jadual 2: Sandaran Hadis dan Pendirian Empat Mazhab tentang Zakat Simpanan

Mazhab	Hadis Primer (Sandaran Nas)	Kitab Fiqh Primer Mazhab	Syarat Wajib	Kadar	Pendekatan terhadap Simpanan
Syafi'i	Hadis Ali r.a., <i>Sunan Abī Dāwūd</i> , no. 1573	al-Nawawī, <i>al-Majmū' Sharḥ al-Muhadhdhab</i>	Nisab, haul, milik sempurna	2.5%	Simpanan disamakan dengan emas/perak, pengiraan tahunan dibenarkan
Hanafi	Hadis nisab emas & perak, <i>Sunan Abī Dāwūd</i> , no. 1573	al-Marghīnānī, <i>al-Hidāyah</i> ; al-Kāsānī, <i>Badā'i' al-Ṣanā'i'</i>	Nisab (haul ditafsir lebih longgar)	2.5%	Simpanan dizakatkan berdasarkan nilai, tanpa syarat kekal sempurna sepanjang haul
Maliki	Hadis nisab & haul, <i>Sunan Abī Dāwūd</i> , no. 1573	Ibn Rushd, <i>Bidāyat al-Mujtahid</i>	Nisab, haul, milik sempurna, harta berkembang	2.5%	Zakat hanya pada simpanan yang kekal cukup nisab sepanjang haul

Hanbali	Hadis Ali r.a., <i>Sunan Abī Dāwūd</i> , no. 1573; al-Bayhaqī	Ibn Qudāmah, <i>al-Mughnī</i>	Nisab, haul, milik sempurna	2.5%	Simpanan dizakatkan secara literal menurut syarat emas/perak
----------------	--	----------------------------------	-----------------------------	------	--

*Qiyās kepada zakat emas dan perak

Sumber: Abū Dāwūd, S. ibn al-A. (n.d.). *Sunan Abī Dāwūd* (Kitāb al-Zakāh, ḥadīth no. 1573). Beirut: Dār al-Fikr.

Menurut mazhab Syafie, zakat simpanan sebagai zakat emas dan perak diwajibkan selepas cukup haul pada kadar 2.5% daripada jumlah pengeluaran yang mencapai nisab dan membenarkan pengiraan tahunan untuk simpanan tetap (Hartini, 2021). Manakala mazhab Hanafi hanya mewajibkan zakat selepas nisab dan tiada zakat pada harta yang haram. Seterusnya, mazhab Maliki mewajibkan zakat sebahagian harta yang telah mencapai nisab, sempurna pemilikan dan haul manakala mazhab Hambali mewajibkan zakat dari harta tertentu untuk diberikan kepada kelompok tertentu (Dompert Dhuafa, 2020).

Terdapat 15 fatwa mengenai zakat KWSP daripada 9 Majlis Fatwa Negeri dan fatwa kebangsaan yang terdiri daripada fatwa yang diwartakan dan tidak diwartakan. Daripada 15 fatwa tersebut, ianya dapat dirangkumkan menjadi enam jenis fatwa seperti jadual berikut

Jadual 3: Fatwa berkaitan KWSP

Bil	Fatwa	Negeri
1	Diwajibkan zakat tertakluk kepada nisab tanpa perlu menunggu haul selepas berpindah milik	Perak, 1 Fatwa diwartakan Wilayah Persekutuan, 1 fatwa tidak diwartakan
2	Dividen konvensional perlu proses pembersihan dan simpanan syariah mengikut hukum zakat	Perlis, 1 Diwartakan
3	Diharuskan mengeluarkan zakat tanpa menunggu haul jika cukup nisab	Johor, 1 fatwa diwartakan dan 3 fatwa tidak diwartakan Selangor, 2 fatwa diwartakan Sarawak, 1 fatwa tidak diwartakan
4	Tidak diwajibkan melakukan penyucian dividen bagi pertukaran ke akaun syariah kali pertama	Negeri Sembilan, 1 fatwa tidak diwartakan Sabah, 1 fatwa tidak diwartakan
5	Diwajibkan zakat jika carumannya itu cukup nisab dan sampai haul	Terengganu, 1 fatwa tidak Diwartakan
6	Diwajibkan zakat apabila cukup nisab dan haul tetapi digalakkan mengeluarkan terus	2 Fatwa Majlis Kebangsaan

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2024); PPZ MAIWP (2023); Abdullah & Rosele (2019)

Isu haul dan nisab zakat KWSP ditentukan oleh status simpanan sebagai mal mustafad apabila dikeluarkan, di mana nisab kekal setara 85 gram emas 24 karat manakala haul tidak diperlukan (Zakat Pahang, 2022; MAIWP, 2023). Zakat dikenakan serta-merta pada kadar 2.5% daripada jumlah pengeluaran yang mencapai nisab, seperti pada umur 55 tahun atau meninggalkan negara, mengikut fatwa majoriti lembaga zakat negeri (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Nisab zakat KWSP ditaksir berdasarkan nilai pasaran 85 gram emas semasa pengeluaran (contoh: RM36,217.86 pada 1447H), dan boleh digabung dengan harta zakat lain jika di bawah had tersebut (Zakat Pahang, 2022). Pengiraan zakat adalah jumlah

pengeluaran tolak hutang dan perbelanjaan asas, tertakluk nisab mutlak tanpa mengira tujuan penggunaan (MAIWP, 2023).

Haul tidak wajib untuk zakat KWSP kerana simpanan menjadi milik sempurna (milik al-tam) semasa pengeluaran, selaras fatwa Pahang, Selangor, dan MAIWP. Sebaliknya, baki simpanan tertakluk zakat wang simpanan biasa yang memerlukan nisab dan haul setahun (Mufti Wilayah Persekutuan, 2018). Di negeri seperti Johor dan Terengganu, sesetengah fatwa mensyaratkan haul selepas penerimaan, menunjukkan perbezaan pendapat ulama (Zakat Kedah, 2024).

Berikut ialah jadual terperinci fatwa zakat KWSP mengikut negeri di Malaysia, dengan penjelasan autoriti fatwa, prinsip fiqh yang digunakan, serta fiqh kadar dan masa zakat.

Jadual 4: Fatwa Zakat KWSP Mengikut Negeri di Malaysia

Negeri	Autoriti Fatwa	Ketetapan Fatwa Zakat KWSP	Prinsip Fiqh Digunakan	Kadar & Masa Zakat
Kebangsaan	Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJFK) Kali ke-22	KWSP wajib dizakatkan selepas pengeluaran kerana milik sempurna	<i>Milk ghayr tam milk tam</i> ; qiyās emas & perak	2.5% sekali selepas pengeluaran
Wilayah Persekutuan	MAIWP	Zakat hanya dikenakan ke atas jumlah yang dikeluarkan	Harta mustafād, tanpa syarat haul	2.5% selepas pengeluaran
Selangor	Lembaga Zakat Selangor (LZS) / Jawatankuasa Fatwa Negeri	KWSP tidak wajib zakat sebelum pengeluaran	Pemilikan tidak sempurna sebelum dikeluarkan	2.5% ke atas jumlah dikeluarkan
Johor	Jawatankuasa Fatwa Negeri Johor	Zakat diwajibkan apabila wang KWSP diterima sepenuhnya	Milik sempurna selepas terima	2.5% tanpa haul
Negeri Sembilan	Jawatankuasa Fatwa Negeri	Sama dengan fatwa kebangsaan	<i>Al-māl al-mustafād</i>	2.5% selepas pengeluaran
Melaka	Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka	KWSP dizakatkan sekali sahaja selepas pengeluaran	Mengelak zakat berganda	2.5%
Perak	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak	Wajib zakat jika cukup nisab selepas pengeluaran	Qiyās kepada emas/perak	2.5%
Pulau Pinang	MAINPP	KWSP tertakluk zakat selepas diterima	Milik sempurna sebagai syarat wajib	2.5%
Kedah	LZKN / Jawatankuasa Fatwa Negeri	Wang KWSP dianggap simpanan tertangguh	Milik sempurna selepas terima	2.5%

Kelantan	MAIK	Zakat dikenakan hanya atas wang yang dikeluarkan	Prinsip kemampuan dan pemilikan	2.5%
Terengganu	MAIDAM	KWSP wajib dizakatkan selepas pengeluaran	Harta mustafād	2.5%
Pahang	MUIP	Zakat dikenakan tanpa menunggu haul	Pendapat jumur kontemporari	2.5%
Perlis	Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis	Selari dengan fatwa kebangsaan	Pendekatan literal milik sempurna	2.5%
Sabah	MUIS	KWSP dizakatkan selepas diterima	Milik sempurna sebagai 'illah	2.5%
Sarawak	JAIS	Zakat hanya selepas pengeluaran sebenar	Qiyās zakat simpanan	2.5%

*Kompilasi penulis.

PENUTUP

Kefahaman dan kesedaran terhadap Maqasid Syariah, khususnya prinsip Hifz al-Mal atau pemeliharaan harta, memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pekerja Muslim untuk membuat pilihan terhadap KWSP Simpanan Syariah sebagai instrumen simpanan persaraan mereka. Prinsip Hifz al-Mal menekankan tanggungjawab menjaga harta secara etika, termasuk memastikan modal dilindungi, pelaburan dijalankan secara patuh Syariah, serta nilai simpanan dapat dikekalkan dan dipertingkatkan secara berterusan.

Dalam konteks ini, KWSP Simpanan Syariah menawarkan alternatif yang selari dengan prinsip-prinsip tersebut, sekaligus memberi keyakinan kepada pencarum bahawa simpanan mereka bebas daripada unsur yang dilarang seperti riba, gharar, atau aktiviti tidak patuh Syariah lain. Walaupun terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenai waktu dan kaedah pengeluaran zakat ke atas simpanan KWSP, amalan beralih kepada akaun Simpanan Syariah menjadi langkah proaktif yang memudahkan pengiraan zakat serta memastikan pelaksanaan zakat selaras dengan tuntutan Syariah.

Langkah ini bukan sahaja membantu pekerja Muslim memenuhi kewajipan agama mereka dengan lebih tepat dan mudah, tetapi juga membina kesedaran kewangan yang bertanggungjawab serta menyokong pengurusan harta yang beretika dan lestari. Oleh itu, penglibatan aktif pekerja Muslim dalam memilih KWSP Simpanan Syariah bukan sahaja mencerminkan kefahaman terhadap prinsip Hifz al-Mal, tetapi juga sejajar dengan usaha memperkukuh kesejahteraan ekonomi peribadi dan masyarakat secara amnya, selaras dengan objektif Maqasid Syariah dalam memastikan harta digunakan secara adil, bermanfaat, dan berkat.

RUJUKAN

- Abdullah, L. H. & Rosele, M. I. (2019) Konflik Antara Fatwa-Fatwa Zakat ke Atas Wang Caruman dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di Malaysia: Analisis Fiqh, *Jurnal Syariah*, 27(3), 487-504.
- Abū Dāwūd, S. ibn al-A. (n.d.). *Sunan Abī Dāwūd (Kitāb al-Zakāh, ḥadīth no. 1573)*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ahmed, H. & Salleh, A. M. H. A. P. M. (2015). Inclusive Islamic Financial Planning: A Conceptual Framework. *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management*, 9(2), 170–189. <https://doi.org/10.1108/IMEFM-01-2015-0006>

- Akbar, T. & Siti-Nabiha, A. (2022). Objectives and Measures of Performance of Islamic Microfinance Banks in Indonesia: The Stakeholders' Perspectives. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 14(2), 124–140. <https://doi.org/10.1108/IJIF-11-2020-0231>
- Astro Awani. (2025). KWSP komited bantu ahli bina semula simpanan dan jamin masa depan persaraan. Retrived at: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kwsp-komited-bantu-ahli-bina-semula-simpanan-dan-jamin-masa-depan-persaraan-338862>
- Azman, S. M. M. M. S. & Ali, E. R. A. E. (2019). Islamic Social Finance and the Imperative for Social Impact Measurement. *Al-Shajarah Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC)*, October. <https://doi.org/10.31436/shajarah.v0i0.896>.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (2026). Diakses dari [https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=adil#:~:text=meletakkan%20sesuatu%20pd%20tempatnya%20yg%20betul%20\(bkn,pelantikan%20seseorang%20yg%20ahli%20dlm%20bidangnya%20adalah%20pada%2028%20Januari%202026](https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=adil#:~:text=meletakkan%20sesuatu%20pd%20tempatnya%20yg%20betul%20(bkn,pelantikan%20seseorang%20yg%20ahli%20dlm%20bidangnya%20adalah%20pada%2028%20Januari%202026)
- Dompêt Dhuafa. (2020). Pengertian Zakat Menurut Fiqh 4 Imam Mazhab. Retrived at: <https://www.dompêtdhuafa.org/pengertian-zakat-4-imam-mahdzab/>
- Faizee, W. M. A. (2024, Mei 29). Perlindungan Sosial di Malaysia: Peranan KWSP & Pencarum, Ikram.
- Febrianto, I., Mohamed, N. & Bujang, I. (2024). Developing Shari'ah-Compliant AssetPricing Model in the Framework of Maqāsid al-Shari'ah and Islamic Wealth Management, *Intellectual Discourse*, 32(1), 133-158.
- Hartini, S. (2021). Analisis Pendapat Imam Syafi'i terhadap Zakat Tabungan Pensiun dalam Perspektif Hukum Islam, Universitas Islam Negeri Raden.
- Institut Kefahaman Islam Malaysia. (2025). Ekonomi sebagai Amanah: Konsep Kesejahteraan Bersama dalam Islam. Retrived at: <https://www.ikim.gov.my/ekonomi-sebagai-amanah-konsep-kesejahteraan-bersama-dalam-islam/>
- Inuwa, A. M., Hayatu, R. A. & Bawuro, A. A. (2025). Theoretical Foundations Of Hifz Al-Mal (Preservation of Wealth) In Islamic Jurisprudence, *ADSU International Journal of Politics, Administration and Management*, 2(3), 182-192.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2024). Fatwa KWSP. Diakses dari <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/3> pada 16 Mac 2024.
- Khalid, M. A. & Rosli, Z. (2025). Measuring Top Incomes using Tax Data: A case study from Malaysia, *World Inequality Lab*, April 2025.
- Khoutem, B. J. & Mohamed, G. (2024). Islamic Finance and SDGs: Bibliometric Review and Future Research Agenda, *Journal of Chinese Economic and Business Studies*, <https://doi.org/10.1080/14765284.2024.2445959>
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2023). Akad Simpanan Shariah. Diakses dari <https://www.kwsp.gov.my/ms/about-epf/news-highlights/references/epf-act-1991> pada 12 Disember 2023.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2023). Mengenai KWSP. Diakses dari [https://www.kwsp.gov.my/ms/about-epf/corporate-profile#:~:text=Kumpulan%20Wang%20Simpanan%20Pekerja%20\(KWSP,Kumpulan%20Wang%20Simpanan%20Pekerja%201991](https://www.kwsp.gov.my/ms/about-epf/corporate-profile#:~:text=Kumpulan%20Wang%20Simpanan%20Pekerja%20(KWSP,Kumpulan%20Wang%20Simpanan%20Pekerja%201991) pada 19 Disember 2023.
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (2026). Memacu Perubahan Positif. Diakses dari <https://www.kwsp.gov.my/ms/korporat/kelestarian> pada 23 Januari 2026.
- Ma'sum, B. M. (2021). Islamic Wealth and the SDGs: Global Strategies for Socio-economic Impact, *Journal of Muslim Philanthropy & Civil Society*, 7(1).
- Megat S'adan, M. A. Z., Abdullah, M. Y., Ahmad, M. R., Md Ismail, M. A., Jamal, I. H., & Mohamed Yusof, M. F. (2024). Malaysia EPF Cash Withdrawals during MCO

- According To Sharia Perspective. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(3), 379–388. Retrieved from <https://al-qanatir.com/aq/article/view/880>
- Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). Al-Kafi #846: Zakat wang simpanan KWSP. Retrieved at: <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2669-al-kafi-846-zakat-wang-simpanan-kwsp>
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2018). Al-Kafi #846: Zakat wang simpanan KWSP. Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. <https://www.muftiwp.gov.my>
- Pusat Pungutan Zakat MAIWP (2023). Zakat KWSP. Diakses dari <https://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-jenis-zakat/zakat-kwsp/> pada 19 Disember 2023.
- Rahem, M. M. & Smolo, E. (2023). Conclusion: Beyond the Horizon, The Future of Islamic Finance: From Shari'ah Law to Fintech.
- Rahim, R., Rathore, H. S., Rabbani, M. R. & Alam, M. N. (2024). Maqasid Al-Shariah and Green Finance: A Theoretical Framework on Islamic Finance with Sustainable Development Goals for a Greener Future, 2024 International Conference on Sustainable Islamic Business and Finance (SIBF), Bahrain, pp. 255-261, <https://doi.org/10.1109/SIBF63788.2024.10883847>.
- Ramli, N. M., Ali, N. S. A. M. & Muhammed, N. A. (2018). Integrated Reporting Based on Maqasid Al-Shariah: A Proposed Framework for Islamic Non-Profit Organizations, 1st International Conference On Economics Education, Economics, Business and Management, Accounting and Entrepreneurship (PICEEBA 2018), *Advances in Economics, Business and Management Research*, 57(1).
- Syed Azman, S. M. M. & Noordin, N. H. (2023). Kawal pengeluaran caruman KWSP elak implikasi jangka panjang. *Berita Harian*, 20 Mar 2023. p. 12.
- Zailani, M. N., Satar, N. M. & Zakaria, R. H. (2022). A Review of Indicators for the Preservation of Wealth (Hifz Al-mal) Based on Maqasid Al-Shariah, *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 4(1).
- Zakat Kedah. (2024). Zakat Simpanan. Retrieved at: https://jom.zakatkedah.com.my/kirazakat/kz_simpan.php
- Zakat Pahang. (2022). Zakat KWSP. Retrieved at: <https://zakatpahang.my/zakat-kwsp/>
- Zaman, Q. U., Hassan, M. K. & Akhter, W. & Brodmann, J. (2019). Does the Interest Tax Shield Align with Maqasid Al Shariah in Finance?, *Borsa Istanbul Review*, 19(1), 39-48. <https://doi.org/10.1016/j.bir.2018.07.004>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.